

# **PENENTANG KEMUKJIZATAN AL-QURAN TEMPAH NERAKA: AL-BAQARAH (2: 23-25)\***

**Kamarul Azmi Jasmi**

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## **Abstrak**

*Orang kafir dicabar oleh Allah SWT untuk menghasilkan satu tulisan seperti surah al-Quran untuk mengatasi mukjizat al-Quran. Kemukjizatan al-Quran ialah dari segi makhluk tidak mampu menghasilkan al-Quran bahkan mengubahnya sama sekali. Artikel ini merupakan hasil kajian perpustakaan bagi mencari tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 23-25) daripada kitab tafsiran yang bersifat turath. Hasil dapatan menunjukkan beberapa nasihat dan ingatan penting Allah SWT kepada golongan kafir dan Muslim. Bagi golongan kafir, iaitu peringatan kepada golongan kafir bahawa al-Quran merupakan mukjizat yang tidak mampu dikalahkan oleh mereka, kegagalan mereka mengatasi al-Quran akan menyusul pula kegagalan kedua mereka di alam akhirat kerana menentang al-Quran dan Pencipta yang menurunkan al-Quran; dan sudah wujud neraka yang dijanjikan untuk orang kafir dan tuhan mereka yang berupa berhala. Manakala ingatan Allah SWT kepada para Mukmin yang beriman dan beramal soleh dengan dijanjikan Syurga yang penuh dengan kenikmatan yang abadi. Asas kenikmatan ialah keindahan dan kesuburan Syurga, makanan yang lazat, Isteri dan suami yang suci dan bersih, serta berkekalan dalam nikmat buat selamanya.*

**Kata Kunci:** *Al-Quran, mukjizat, neraka, syurga*

---

\* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 30hb. Ogos 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ مِثْلِهِ  
 وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾ فَإِنْ لَّمْ  
 تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ  
 أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾ وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
 أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ  
 شَرِقٍ رَّزِقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا  
 وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥﴾

Maksud: Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang yang benar. 23. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang kafir. 24. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: "Inilah yang diberikan kepada kami dahulu." Dan mereka

diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan, isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selamanya. 25.

(Surah *al-Baqarah*, 2: 23-25)

## PENGENALAN

Selepas Allah SWT membuktikan kewujudan-Nya serta memperkenalkan dirinya sebagai Tuhan Pemilik dan Pentadbir Alam yang sewajarnya disembah tanpa untuk syirik atau mengikut cara yang dianjurkan oleh al-Quran (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, Kamarul Azmi, 2018b), Allah SWT menjelaskan pula bahawa al-Quran merupakan satu mukjizat bagi membuktikan bahawa al-Quran itu sememangnya daripada diri-Nya. Bahkan Allah SWT mencabar sesiapa yang boleh mengatasi mengatasi kehebatan al-Quran. Selain itu, Allah SWT melalui al-Quran yang merupakan mukjizat Tuhan menasihatkan orang kafir dan penentang al-Quran dan penentang-Nya bahawa tempat mereka dan berhala mereka di dalam neraka. Sedangkan orang Islam yang beriman dan taat dijanjikan dengan Syurga yang kekal abadi (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, Kamarul Azmi, 2018a). Sebagai tambahan, segala maksud al-Quran yang diterjemahkan dalam perbincangan adalah daripada terjemahan Abdullah Basmeih (1999).

## TAFSIRAN AYAT

Tafsiran al-Quran dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama tentang kebenaran al-Quran dan janji azab terhadap penentang al-Quran (*al-Baqarah*, 2: 23-24). Manakala bahagian kedua pula tentang janji Allah SWT kepada mereka yang beriman dengan Allah SWT dan al-Quran dengan syurga dan segala kenikmatannya (*al-Baqarah*, 2: 5).

### *Al-Baqarah (2: 23-24)*

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/198) menjelaskan bahawa selepas Allah SWT membuktikan dalil asas tauhid, iaitu bahawa tiada tuhan yang wajar disembah melainkan Allah SWT, maka Dia tujukan perkataan seterusnya kepada golongan kafir bagi menjelas dan mengajar mereka tentang kebenaran al-Quran sebagai satu mukjizat dengan firman-Nya:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا عَلَىٰ مَا تَفْتَرُونَ بِسُورَةِ مِّنْ  
 مِّثْلِهِ ۖ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ  
 صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

Maksud: *Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang yang benar. 23.*

Ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/199) bahawa Allah SWT mengajar orang kafir tentang keimanan dan kepercayaan kepada kebenaran kitab-Nya. Hal ini demikian kerana jika mereka meragui kebenaran al-Quran sebagai sebuah kitab yang diturunkan kepada hamba-Nya, Baginda Nabi Muhammad SAW, maka cubalah sedaya upaya mereka mengarah, mengubah, dan menghasilkan satu tulisan yang sama atau lebih baik seperti satu surah al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Baginda SAW. Allah SWT menegaskan bahawa hal ini sudah tentu mereka tidak akan mampu dan berdaya melakukannya sekalipun menurut Mujahid, jika mereka mengajak pakar yang mahir seni bahasa dan sastera dan tuhan berhala menurut Ibn ‘Abbas (t.th.: 5) dan pembantu bagi membantu mereka menghasilkan-Nya.

Kebenaran al-Quran daripada Allah SWT sendiri yang diturunkan melalui Nabi Muhammad SAW juga dijelaskan dalam firman-Nya:

وَمَا كَانَ هَذَا الْقُرْآنُ أَنْ يُفْتَرَىٰ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ تَصْدِيقَ  
 الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
 ﴿٣٧﴾ أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ <sup>ص</sup> قُلْ فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِثْلِهِ وَادْعُوا مَنِ  
 اسْتَطَعْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣٨﴾

Maksud: Dan bukanlah al-Quran ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain dari Allah; tetapi al-Quran itu diturunkan oleh Allah untuk membenarkan kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu persatu hukum syarak yang diwajibkan (atas kamu); tidak ada sebarang syak dan ragu-ragu pada al-Quran itu tentang datangnya dari Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam. (37) (Orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: “Dia lah (Muhammad) yang mengada-adakan al-Quran menurut rekaannya.” Katakanlah (wahai Muhammad): “Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, yang lain dari Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang yang benar!.”38.

(Surah Yunus, 10: 37-38)

Cabaran Allah SWT dalam dua ayat ini turut dinyatakan dalam ayat yang lain dalam beberapa surah. Antara cabaran tersebut dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

قُلْ فَاتُوا بِي كِتَابٍ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ هُوَ أَهْدَىٰ مِنْهُمَا أَتَّبِعُهُ إِن

كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤٩﴾

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad): “Kalau demikianlah sikap kamu maka bawalah sebuah Kitab dari sisi Allah yang dapat memberi panduan lebih daripada keduanya, supaya aku menurutnya. (Bawalah dia) jika betul kamu orang yang benar.”* 49.

(Surah al-Qasas, 28: 49)

Bahkan cabaran dalam ayat tafsiran yang menyuruh membawa pembantu dengan cabaran supaya pembantu tersebut bukan sahaja boleh diambil daripada kalangan manusia, tetapi juga dalam kalangan jin yang sudah tentu mempunyai lebih kemampuan daripada manusia. Firman-Nya:

قُلْ لِّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ  
لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ ۚ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri.”* 88.

(Surah al-Isra’, 17: 88)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/199) menambah bahawa semua ayat tafsiran (surah al-Qasas, 28: 29; surah *Yunus*, 10: 37-38; Surah *al-Isra'*, 28: 88) adalah diturunkan di Mekah. Setelah Nabi SAW berhijrah, barulah Allah SWT turunkan ayat *al-Baqarah* (2: 23-24) ini. Hal ini memberi maksud bahawa cabaran Allah SWT ini ditujukan kepada seluruh penentang al-Quran dan Nabi Muhammad SAW dalam kalangan orang kafir dan musyrik khususnya masyarakat Arab yang bersifat ummi dan ahli Kitab Yahudi di Madinah pada era kemuncak penentangan kaum Musyrik terhadap perkembangan Islam dan ajaran Rasulullah SAW.

Cabaran untuk menghasilkan surah bukan sahaja yang panjang, tetapi juga untuk menghasilkan surah yang pendek seperti surah al-'Asr (103: 1-3) dan surah al-Kawthar (108: 1-3). Oleh kerana itu Imam al-Shafi'i berkata:

*Sekiranya manusia memerhatikan isi kandungan surah al-Asr (103: 1-3) ini, maka memadai bagi mereka untuk mencari pegangan hidup dan pedoman dalam pergaulan, perhubungan, dan perjuangan hidup antara sesama manusia. Surah ini juga memadai untuk seseorang mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.*

Amar bin al-'Ash pernah datang kepada Musaylamat al-Kazzab dan beliau ditanya oleh Musaylamat al-Kazzab, "Apa yang diturunkan kepada sahabatmu di Mekah pada masa terdekat?" Jawab Amar, "Dia diturunkan satu surah yang ringkas, penuh berisi, padat, dan amat jelas." Musaylamat bertanya, "Apakah itu?" Jawab Amar:

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكْفُورٌ ۝٢ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ۝٣ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝٤

Musaylamat berkata, "Saya juga diturunkan ayat yang seumpama itu." Lalu Amarpun bertanya, "Apakah ayat itu?" Jawab Musaylamat:

يَا وَبَرِّ يَا وَبَرِّ ۝١ إِنَّمَا أَنْتَ أُذُنَانِ وَصَدْرٌ ۝٢ وَسَائِرُكَ حَقْفٌ فَقْرٌ ۝٣

Kemudian Musaylamat bertanya kepada Amar, "Bagaimana pendapatmu?" Jawab Amar, "Demi Allah sesungguhnya (dari surah itu) engkau

*memberitahuku untuk aku lebih mengetahui bahwa engkau benar-benar pendusta.”*

(Ibn al-Kathir, 1999: 1/203)

Setelah Allah SWT mencabar untuk berbuat surah seperti al-Quran, Allah SWT sendiri menegaskan bahawa perkara tersebut adalah mustahil mampu dilakukan oleh penentang tersebut atau sesiapa pun. Firman-Nya

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا

*Maksud: Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya.*

Kenyataan ini sebagai memperlecehkan orang kafir dan penentang al-Quran dan nabi Muhammad SAW bahawa mereka tidak sesekali mampu melakukannya buat selama-lamanya kerana al-Quran itu adalah satu mukjizat. Persoalan mengapa mereka tidak mampu untuk menghasilkannya? adalah kerana mereka tidak mampu mengatasi kekuasaan Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

الرَّكِيبُ أَحْكَمَتْ آيَاتُهُ وَتُرْفُصَّتْ مِنْ لَدُنِّ حَكِيمٍ خَيْرٍ ﴿١﴾

*Maksud: Alif, Lam, Ra'. al-Quran sebuah Kitab yang tersusun ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu. (Susunan dan penjelasan itu) adalah dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya. 1.*

(Surah Hud, 11: 1)

Al-Quran (Jasmi, Kamarul Azmi, 2017) ini menurut (Ibn al-Kathir, 1999) pada hakikatnya terkandung kalimah yang sangat padat dan mendalam. Mustahil al-Quran ini dapat ditiru oleh sesiapa pun kerana dalamnya terkandung berita dan peristiwa yang lalu yang tepat menurut bagaimana kejadian itu berlaku. Hal ini terbukti dengan penjelasan lanjut Allah SWT dalam firman-Nya:

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ  
 وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١١٥﴾

Maksud: *Dan sempurnalah Kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum dan janji-Nya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-Nya; dan Dia lah yang sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Mengetahui. 115.*

(Surah *al-An'am*, 6: 115)

Ayat ini membawa maksud bahawa semua ajaran al-Quran itu adalah benar lagi adil selain memberi pertunjuk dan hidayah tanpa pembohongan dan pendustaan sebagaimana yang biasa berlaku dalam syair, puisi, cerita, hikayat, dan tulisan manusia.

Tambahan pula menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/200) Kekuatan al-Quran pada hakikatnya terdapat dalam kandungannya yang benar, kukuh pembuktian, dan padat dengan pengertian untuk orang yang boleh memahaminya dengan baik. Mereka yang diberi kefahaman yang baik terhadap al-Quran akan merasakan bahawa semua anjuran, ajaran, kisah, dan berita yang dibawa oleh al-Quran adalah sangat indah berbanding dengan lain-lain buku dan kitab yang ada di dunia ini. Golongan ini sentiasa berulang-ulang membaca dan mengkaji al-Quran, namun ulangan demi ulangan tersebut tidak langsung menjemukan mereka. Hal ini kerana, setiap kali mereka mengulanginya

mereka akan memperoleh ilmu dan pengajaran baru yang boleh dikaitkan dengan kehidupan mereka. Kaitan pengajaran dan anjuran al-Quran ini akan bersesuaian dengan keadaan seseorang, masa, zaman, dan tempat mereka berada.

Mukmin yang memahami al-Quran ini jika bertemu dengan ayat peringatan serta ancaman, mereka akan merasa takut dan akan cuba menginsafi diri supaya terjauh daripada melakukannya dan terjauh daripada ancaman tersebut. Contoh ancaman yang boleh menginsafi para Mukmin ini sepertimana firman Allah SWT:

ءَأَمِنْتُمْ مِّن فِي السَّمَاءِ أَن يَخْسِفَ بِكُمُ الْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ ﴿١٦﴾  
 أَمْ أَمِنْتُمْ مِّن فِي السَّمَاءِ أَن يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا ۗ فَسَتَعْلَمُونَ  
 كَيْفَ نَذِيرِ ﴿١٧﴾

Maksud: Patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Tuhan yang pusat pemerintahan-Nya di langit itu: menunggang-balikkan bumi menimbus kamu, lalu bergegarlah bumi itu dengan serta-merta (melenyapkan kamu di bawahnya)? 16. Atau patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Allah yang pusat pemerintahan-Nya di langit itu: menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; maka dengan itu, kamu akan mengetahui kelak bagaimana buruknya kesan amaran-Ku? 17.

(Surah *al-Mulk*, 67: 16-17)

Begitu juga dengan firman-Nya:

أَفْرَأَيْتَ إِنْ مَتَّعْنَاهُمْ سِنِينَ ﴿٢٠٥﴾ ثُمَّ جَاءَهُمْ مَا كَانُوا  
يُوعَدُونَ ﴿٢٠٦﴾ مَا أَعْنَى عَنْهُمْ مَا كَانُوا يُمْتَعُونَ ﴿٢٠٧﴾

Maksud: *Bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad)? Jika Kami berikan mereka menikmati kesenangan bertahun-tahun. 205. Kemudian mereka didatangi azab seksa yang dijanjikan kepada mereka. 206. (Tentulah) kesenangan yang mereka nikmati bertahun-tahun itu tidak dapat memberikan mereka sebarang pertolongan. 207.*

(Surah *al-Shu'ara'*, 26: 205-207)

Sebaliknya pula jika bertemu dengan ayat atau berita gembira serta harapan, mereka akan berharap untuk memperolehnya dengan harapan dan doa. Contoh ayat yang menarik perhatian mereka seperti firman Allah SWT ini:

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا  
يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

Maksud: *Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan mengembirakan, sebagai balasan bagi amal soleh yang mereka kerjakan. 17.*

(Surah *al-Sajdah*, 32: 17)

Begitu juga ketika Allah SWT menggambarkan tentang layanan yang diberikan oleh-Nya dalam Syurga sebagaimana firman-Nya:

يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِصِحَافٍ مِّنْ ذَهَبٍ وَأَكْوَابٍ فِيهَا مَتَشَتَّهِمِ  
 الْأَنْفُسُ وَتَلَذُّ الْأَعْيُنُ وَأَنْتُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٧١﴾

Maksud: *Diedarkan kepada mereka pinggan besar dan piala dari emas; dan di dalam Syurga itu pula disediakan segala yang diinginkan oleh nafsu serta di pandang indah oleh mata; dan (dikatakan kepada mereka): “Kamu adalah tetap kekal di dalamnya.” 71.*

(Surah *al-Zukhruf*, 43: 71)

Selain itu menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/200), kekuatan al-Quran itu juga terlihat kepada kehebatan daripada sudut Balaghahnya dan keindahan gaya bahasa yang digunakan. Begitu juga dengan hukum yang terkandung dalam perintah dan larangannya, sarat dengan manfaat yang sangat berguna kepada umat manusia. Hal ini demikian kerana setiap suruhan dan larangan akan memberi manfaat kepada manusia bukan sahaja daripada segi jasmani tetapi juga manfaat daripada segi emosi dan rohani. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT sendiri dalam firman-Nya:

يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ  
 لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ  
 إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ﴿٦٧﴾

Maksud: *Ia menyuruh mereka dengan perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan*

*kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban dan belunggu yang ada pada mereka.*

(Surah *al-A'raf*, 7: 157)

Perkara terpenting juga yang menjadi perbahasan al-Quran ialah tentang hari kiamat. Kebiasaan al-Quran akan menceritakan kedudukan kedua-dua golongan yang beriman dan yang kafir. Syurga yang dibicarakan adalah untuk kekasih Allah SWT dalam kalangan para hambanya, sebalik azab neraka disediakan kepada penentang Allah SWT dan yang mengingikari-Nya. Terbukti semua yang dibicarakan oleh al-Quran terhadap umat manusia benar-benar memberikan mereka manfaat yang sebenar yang tidak ada pada mana-mana tulisan yang boleh menandingi al-Quran daripada segi membawa kesejahteraan kepada umat manusia bukan sahaja di dunia bahkan juga di alam akhirat. Satu hadis menjelaskan (Al-Bughawi, 1983: 3615; Al-Asbahani, 1996: 383; Ibn 'Asakir, 2000: 30; Al-Nasa'i, 2001: 7923; Al-Sarraj, 2004: 1920):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَا مِنْ نَبِيٍّ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ إِلَّا قَدْ أُعْطِيَ مِنَ الْآيَاتِ مَا مِثْلُهُ آمَنَ عَلَيْهِ الْبَشَرُ، وَإِنَّمَا كَانَ الَّذِي أُوتِيَتْ وَحْيًا أَوْحَاهُ اللَّهُ إِلَيَّ فَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ أَكْثَرَهُمْ تَابِعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Tiada ada seorang Nabi pun dalam kalangan para nabi melainkan diberi mukjizat yang dengannya manusia beriman. Sedangkan apa yang diberikan kepadaku pula mukjizat berbentuk wahyu yang diwahyukan oleh Allah SWT kepadaku. Aku berharap aku yang paling banyak pengikutku pada hari kiamat.*

(*Al-Nasa'i, al-Sarraj, al-Asbahani, al-Bughawi, dan Ibn 'Asakir*)

Terbukti, al-Quran menjadi wahyu yang paling agung kerana kemujizatnya berkekalan sehingga ke hari Kiamat. Sedangkan mukjizat para Nabi yang lain yang tidak terhitung banyak hanya boleh diketahui daripada berita al-Quran, tetapi tidak dapat dilihat di depan mata manusia kini.

Cabaran Allah SWT untuk manusia membuat satu surah seperti al-Quran adalah satu cabaran yang mustahil kerana kemampuan manusia sangat terhad untuk melawan mukjizat al-Quran ini (Ibn al-Kathir, 1999: 1/201). Justeru, Allah SWT mengingatkan mereka bahawa jika mereka ketahui bahawa al-Quran itu sememangnya daripada Allah SWT, maka ancaman dalam al-Quran sudah pasti akan berlaku buat penentang Nabi Muhammad SAW dan al-Quran bahawa mereka sudah pasti akan disiksa jika mati mereka dalam keadaan kafir. Allah SWT menyambung ancaman tersebut melalui firman-Nya:

فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ  
لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾

Maksud: *Maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang kafir. 24.*

*Waqud* menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/201) ialah sesuatu yang digunakan untuk menggalakkan pembakaran atau dipanggil alat pembakar. Biasanya terdiri daripada arang dan kayu. Gambaran ayat ini sama dengan gambaran dalam ayat yang lain dalam firman Allah SWT:

وَأَمَّا الْقَاسِطُونَ فَكَانُوا لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

Maksud: *Adapun orang yang menyeleweng dari jalan yang benar, maka mereka menjadi bahan bakaran bagi neraka Jahannam. 15.*

(Surah *al-Jinn*, 72: 15)

Juga terdapat dalam firman Allah SWT yang lain:

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ  
 أَنْتُمْ لَهَا وَارِدُونَ ﴿٩٨﴾

Maksud: *Sesungguhnya kamu dan apa yang kamu sembah, yang lain dari Allah, menjadi bahan bakaran yang dilimparkan ke dalam neraka Jahannam; kamu (sudah tetap) akan memasukinya. 98.*

(Surah *al-Anbiya'*, 21: 98)

Manakala *al-Hijarah* dalam ayat boleh dimaksudkan sebagai bara yang digunakan untuk menyalakan api. Juga bermaksud batu berhala yang disembah oleh kaum musyrik. Batu bara sama sifatnya seperti arang yang menjadi pencetus untuk membakar dalam neraka (Ibn al-Kathir, 1999: 1/201).

Ayat yang dibincangkan juga menjelaskan tentang ‘api neraka yang sudah disediakan’ yang dijanjikan oleh Allah SWT untuk orang kafir. Perkataan ini menjadi dalil bagi Ahli Sunnah Waljamaah bahawa neraka sudah wujud sekarang ini sebagaimana juga yang dijelaskan sabda Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA (Al-Bukhari, 2001: 4850; Muslim, t.th.: 2846):

تَحَاجَّتِ الْجَنَّةُ وَالنَّارُ

Maksud: *Syurga dan neraka dibahas.*

(*Al-Bukhari dan Muslim*)

Juga sabdaan Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA (Al-Bukhari, 2001: 3260; Muslim, t.th.: 617):

"اَشْتَكَّتِ النَّارُ اِلَى رَبِّهَا، فَقَالَتْ: يَا رَبِّ اَكَلْ بَعْضِي بَعْضًا،  
فَاذِنْ لَهَا بِنَفْسَيْنِ، نَفْسٍ فِي الشِّتَاءِ، وَنَفْسٍ فِي الصَّيْفِ، فَهَوَ  
اَشَدُّ مَا تَجِدُونَ مِنَ الْحَرِّ، وَاَشَدُّ مَا تَجِدُونَ مِنَ الزَّمْهِرِ."

Maksud: *Api neraka mengadu kepada Tuhan-Nya, "Wahai Tuhan! Sebahagian daripadaku makan sebahagian yang lain, oleh itu izinkan aku untuk bernafas dua kali. Nafas pada musim sejuk dan nafas pada musim panas. Sebab itulah kamu dapati terdapat masa musim yang sangat panas dan musim yang sangat sejuk.*

(*Al-Bukhari dan Muslim*)

Bukti lain yang menunjukkan neraka sudah wujud terpadat dalam hadis berikut (Ibn Abi Yu'la, 1984: 6179; Al-Ajurriyy, 1999: 930):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: كُنَّا جُلُوسًا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ إِذْ سَمِعْنَا  
وَجِبَةً فَرِغْنَا لَهَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ هَذَا حَجْرٌ أُقْذِفَ  
بِهِ فِي جَهَنَّمَ مِنْذُ سَبْعِينَ خَرِيفًا فَهَذَا حِينَ سَقَطَ فِيهَا فَسَمِعْتُمْ»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Ketika kami duduk bersama Rasulullah SAW, tiba-tiba kami terdengar suara gemuruh yang*

mengejutkan kami. Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya batu ini dicampakkan ke dalam lohong api neraka sejak 70 tahun yang lalu, inilah bunyi sesudah jatuh ke dasarnya sebagaimana yang kamu dengar.

(Al-Ajurriyy dan Ibn Abi Yu'la)

Semua dalil ini membuktikan bahawa neraka sudah wujud ketika ini sebagai persediaan kepada janji untuk menempatkan golongan penentang Islam dalam kalangan orang kafir dan bagi menyeksa Muslim yang fasik.

### ***Al-Baqarah (2: 25)***

Setelah Allah SWT menjelaskan tentang neraka yang disediakan bagi penentang al-Quran yang gagal mencabar-Nya, Allah SWT sebaliknya menjanjikan tempat yang baik bagi para Mukmin yang beriman dengan al-Quran dalam firman Allah SWT yang seterusnya:

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ  
تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ  
رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا  
وَلَهُمْ فِيهَا أَرْوَاحٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥﴾

Maksud: Dan berilah khabar gembira kepada orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: “Inilah yang diberikan kepada kami dahulu.” Dan mereka diberikan

*rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan, isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selamanya. 25.*

Gelaran al-Quran sebagai *al-Mathani* menurut para ulama ialah sifat al-Quran yang sentiasa menjelaskan sesuatu perkara dan lawan terhadap perkara tersebut. Contoh terbaik *al-mathani* seperti dalam ayat ini (*al-Baqarah*, 2: 24-25), iaitu setelah Allah SWT menjelaskan azab kepada orang kafir, al-Quran menjelaskan pula nikmat yang diperoleh oleh orang Mukmin yang beriman kepada Allah SWT, kalam-Nya, dan Rasul-Nya serta bermalah dengan menempatkan mereka di dalam Syurga.

Maksud “*syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai*”, iaitu sifat sungai syurga yang mengalir tanpa sebarang halangan sama ada di bawah pokok atau bilik dalam istana. Hal ini sebagai mana yang dinyatakan dalam athar yang diriwayatkan oleh Abu ‘Ubaydah (Al-Bayhaqi, 1986: 292; Ibn Abi Shaybah, 1997: 33959; Al-Dinuri, 1998: 703; Ibn al-Mubarak, 1998: 190; Al-Asbahani, t.th.: 315):

«أَنْهَارُ الْجَنَّةِ فِي غَيْرِ أُخْدُودٍ.»

Maksud: *Sungai Syurga tiada batasan, sekatan, dan halangan.*

(*Al-Bayhaqi, Ibn Abi Shaybah, al-Dinuri, Ibn al-Mubarak, dan al-Asbahani*)

Athar ini disokong dengan hadis yang lain yang menjelaskan (Al-Asbahani, t.th.):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ، أَنْهَارُ الْجَنَّةِ  
تَفَجَّرُ مِنْ تِلَالٍ أَوْ مِنْ تَحْتِ جِبَالٍ مِثْلِكِ.

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sungai syurga mengalir daripada bawah bukit atau daripada bawah gunung kasturi."*

(*Al-Asbahani*)

Sedangkan ayat yang membawa maksud bahawa setiap kali mereka diberikan hidangan buah-buahan syurga itu, mereka berkata: *"Buah inilah yang diberikan kepada kami dahulu."* Menurut pendapat Ibn Mas'ud dan para beberapa orang sahabat bahawa ayat ini membawa maksud, *"Buah inilah yang diberikan kepada kami semasa kami berada di dunia."* Sedangkan Ikramah pula berpandangan bahawa ahli Syurga berkata, *"Seperti yang diberikan kemarin."* Hal ini kerana buah syurga hampir sama antara satu sama lain. Yahya bin Abi Kathir pula menjelaskan: *"Penghuni syurga jika dihidangkan dengan sesuatu hidangan, mereka akan berkata, "Itulah yang diberikan kepada kami."* Malaikat menjawab, *"Makanlah! Warnanya sama, tetapi rasanya berlainan."* Kenyataan ini dipersetujui oleh Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas, dan para sahabat yang lain dengan kata-kata Ibn 'Abbas, *"Di dunia tidak ada yang menyami dan menyerupai apa yang ada di Syurga kecuali pada nama semata-mata."*

Ayat seterusnya yang membawa maksud, *"Disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan, isteri yang sentiasa bersih suci"* Menurut Ibn 'Abbas (t.th.: 6) sebagai merujuk kepada isteri yang suci daripada kekotoran dan berbau busuk. Mujahid pula menjelaskan sifat isteri yang suci daripada berak, kencing, hingus, ludah, dan air mani, serta daripada melahirkan anak. Sedangkan menurut Qatadah pula sebagai isteri ahli syurga tersebut suci daripada melakukan perbuatan keji dan dosa.

Akhir sekali, ayat yang membawa maksud *"mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya"* menurut Ibn 'Abbas (t.th.: 6), iaitu kekal tidak mati dan tidak akan dikeluarkan semula daripada Syurga. Kenikmatan ini menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/205) merupakan kenikmatan yang

menjadi pelengkap kepada ahli Syurga. Hal ini kerana seseorang yang mencapai tahap sempurna ketika merasai kenikmatan syurga apabila mereka merasa selamat daripada maut dan bebas daripada putus dalam kenikmatan. Hal ini kerana ahli Syurga akan sentiasa berada dalam kenikmatan hidup yang bersifat kekal abadi untuk selama-lamanya.

## **PENGAJARAN AYAT**

Berdasarkan perbincangan tafsiran ayat, pengajaran yang diperoleh merangkumi pengajaran kepada golongan kafir dan Muslim.

### **Pengajaran Buat Golongan Kafir**

Berdasarkan ayat surah al-Baqarah (2: 23), ayat ini ditujukan khusus buat golongan kafir yang menentang al-Quran dan Nabi Muhammad SAW serta janji yang menanti mereka sesudah mereka mati. Ringkasnya ayat ini memberi pengajaran kepada mereka seperti berikut:

- (1) Orang kafir dituntut untuk menyangkut cabaran Allah SWT untuk menghasilkan satu surah seperti al-Quran sebagai satu cara untuk mengatasi mukjizat al-Quran yang diturunkan oleh-Nya kepada Nabi Muhammad SAW. Jika cabaran mudah ini pun gagal dan sudah pasti mereka akan gagal apatah lagi jika mereka ingin mencabar Allah SWT dalam perkara yang lain. Orang kafir perlu mengetahui bahawa mereka adalah makhluk yang sangat lemah sedangkan Allah SWT adalah Pencipta yang Maha Gagah dan Perkasa. Sudah tentu makhluk akan sentiasa kalah jika mereka melawan Allah SWT, Tuhan Pencipta dan Pemilik alam ini.
- (2) Orang kafir perlu mengetahui bahawa al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan oleh Allah SWT bagi membuktikan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan Rasul yang terakhir diutuskan oleh Allah SWT dengan agama yang dibawa oleh Baginda SAW adalah disyariatkan sehingga ke Hari Kiamat.

- (3) Orang kafir perlu mengetahui bahawa tempat mereka dalam neraka sudah wujud sekarang ini. Penciptaan neraka itu sendiri adalah lambang kehebatan Allah SWT berbanding diri orang kafir itu sendiri yang tidak ada apa-apa kemampuan untuk menghasilkan sesuatu yang mudah seperti satu surah dalam al-Quran, apatah lagi sesuatu yang lebih besar daripada itu.
- (4) Orang kafir perlu mengetahui bahawa diri mereka dan tuhan sembah mereka khususnya yang dibuat oleh tangan mereka sendiri akan menjadi bahan bakar penting dalam api neraka. Penyiksaan ini tidak lain adalah kerana kegagalan mereka menggunakan akal yang diberikan Allah SWT ketika di dunia untuk menjustifikasikan kebenaran tentang Tuhan, mukjizat al-Quran, dan perutusan Nabi Muhamad SAW untuk mereka melaksanakan maksud sebenar kewujudan mereka, iaitu untuk berbakti kepada Allah SWT dan beribadat kepada-Nya.

Oleh yang demikian, penentangan golongan kafir terhadap Allah SWT dan al-Quran merupakan penentangan yang sia-sia. Kesan besar akibat dan kecelakaan daripada penentangan tersebut tidak lain melainkan kembali kepada diri mereka sendiri. Sewajarnya, golongan kafir ini membuat timbangan tentang untung rugi mereka sendiri untuk memilih jalan terbaik buat hidup mereka.

### **Pengajaran Buat Golongan Muslim dan Mukmin**

Berdasarkan kedua-dua ayat (al-Baqarah, 2: 23-24), umat Islam boleh mengambil pengajaran berikut:

- (1) Umat Islam dituntut untuk maklum bahawa al-Quran bukan sahaja sebagai sebuah Kitab pegangan mereka, tetapi juga merupakan Mukjizat yang menjadi lambang kebenaran al-Quran. Kebenaran al-Quran daripada Allah SWT menjadikan segala janji nikmat dan

peringatan azab dalamnya benar-benar akan terjadi sebagaimana yang dijanjikan. Oleh itu, kejayaan dan kegagalan mereka untuk menuruti perintah dan batasan dalam al-Quran, kesan dan akibat akan menimpa mereka sendiri dalam kehidupan mereka di dunia dan akhirat.

(2) Mukjizat al-Quran dan cirinya:

- (a) Sesiapa sahaja tidak akan mampu menghasilkan sesuatu yang sama seperti al-Quran sama ada surah yang pendek atau panjang. Surah yang pendek sekalipun, tetapi tiap surah pendek tersebut sangat padat dengan suruhan, nasihat, perbandingan, perumpamaan, berita sahih, ketetapan isi, dan gaya bahasa.
- (b) Sifat al-Quran yang tidak akan berubah kerana cirinya mudah dihafal dan mudah tersebar. Apabila al-Quran itu mudah dihafal dan disebar, maka tidak ada seorangpun yang akan mampu mengubahnya kepada bentuk lain kerana al-Quran sudah menjadi kebiasaan kepada umat Islam dalam ingatan dan sebutan mereka. Sebarang perubahan sudah tentu akan menimbulkan kepelikan bagi orang yang menghafal dan membacanya.
- (c) Tidak jemu dibaca, dihafal, dan diulang-ulangkan semula sama ada secara bacaan atau hafalan. Bahkan mereka yang sudah mendapat kenikmatan mampu membaca dan mengkhatamkannya secara hafalan dan bacaan dengan jumlah ulangan yang sangat hebat seperti tiga hari sekali khatam, seminggu sekali khatam, dua minggu sekali khatam, sebulan sekali khatam, dan empat bulan sekali khatam.
- (d) Pengkajian al-Quran tidak akan dapat mencapai penghujungnya seperti seseorang berada di laut lepas yang hampir mustahil

menemui pantai kembali. Hal ini dibuktikan melalui pengkajian para ulama Islam yang menyatakan bahawa setiap kali mereka membaca al-Quran, Allah SWT memberikan mereka ilmu yang berlainan daripada ilmu yang diperoleh berbanding ilmu daripada pembacaan sebelumnya. Ilmu yang diperoleh itu pula sesuai untuk dipraktiskan tanpa sempadan tempat dan zaman.

- (3) Umat Islam dituntut untuk membaca, mengkaji, dan mengamalkan al-Quran yang menjadi aspek penting rukun iman mereka. Al-Quran menjadi bukti kebenaran keimanan mereka kerana menjadi mukjizat yang tidak terkalah oleh mana-mana kuasa di dunia. Hal ini sudah tentu menambahkan keyakinan yang padu terhadap ajaran Islam yang bersumberkan daripada mukjizat tersebut.
- (4) Umat Islam dituntut untuk terus beriman dan beramal soleh sehingga mereka menemui Allah SWT sebagai seorang Muslim dan Mukmin kerana kejayaan beriman dan beramal soleh itu menjadikan mereka memperoleh kenikmatan Syurga dengan ciri berikut:
  - (a) Syurga yang terdapat sungai yang mengalir. Sungai Syurga itu sifatnya sentiasa mengalir tanpa sekatan di bawah bukit, pokok, istana, dan bilik mereka. Sungai melambangkan kesuburan dan keindahan sebagaimana manusia menjadikan sungai di dunia untuk dibina rumah dan tempat peranginan, gambaran syurga yang subur dan indah melebihi jangkauan apa yang difikirkan oleh manusia.
  - (b) Makanan yang segar dalam bentuk buah-buahan yang sama namanya dengan nama makanan di dunia tetapi berbeza rasa.
  - (c) Isteri atau suami yang sentiasa bersih dan suci daripada kekotoran dalaman dan luaran. Kekotoran dalaman seperti dosa dan zina serta rasa cinta isteri kepada orang lain dan sifat keji dalaman yang lain. Manakala kekotoran luaran

seperti menghasilkan najis daripada qubul dan dubur, hingus, kahak, mani, dan bau yang tidak menyenangkan. Khusus bagi wanita syurga pula tidak didatangi haid serta tidak pula perlu mengadung dan beranak.

- (d) Duduk dalam Syurga yang kekal abadi, tiada kesudahan, tiada keputusan, selamat daripada maut, selamat daripada dikurangi nikmat disebabkan sakit dan kematian. Kenikmatan ini merupakan kemuncak kepada kenikmatan keseluruhan dalam Syurga.

Justeru, Umat Islam tidak perlu merasa gundah gulana dalam kesusahan mereka untuk beriman dan beramal soleh untuk Allah SWT. Hal ini kerana kesusahan tersebut akan dibalasi dengan pembalasan yang lebih daripada setimpal daripada apa yang dikerjakan. Semoga peringatan Allah SWT memberikan kemampuan kepada umat Islam untuk terus beristiqamah kepada agama-Nya. *Wallahu'alam.*

## RUJUKAN

- Al-Ajurriyy, Muhammad. (1999). *Al-Shari'ah* ('Abdullah bin 'Umar bin Sulayman Al-Damiji Ed.). Al-Riyad: Dar al-Watan.
- Al-Asbahani, Ahmad 'Abdullah. (1996). *Al-Musnad al-Mustakhrij 'ala Sahih al-Imam Muslim* (Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il Ed.). Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Imiyah.
- Al-Asbahani, Ahmad 'Abdullah. (t.th.). *Sifat al-Jannah* ('Ali Rida 'Abdullah Ed. Vol. 1-3). Damsyiq: Dar al-Ma'mun al-Turath.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (1986). *Al-Bi'th wa al-Nushur li al-Bayhaqi* ('Amir Ahmad Haydar Ed. Vol. 1). Beirut: Markaz al-Khidmat wa al-Abhath al-Thaqafiyah.
- Al-Bughawi, Al-Husain Mas'ud. (1983). *Sharh al-Sunnah* (Shu'aib Al-Arna'ut & Muhammad Zuhair Al-Shawish Ed. Vol. 1-15). Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa*

- Ayyamihī – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Dinuri, Abu Bakr Ahmad. (1998). *Al-Majalisah wa Jawahir al-Ilm* (Abu 'Ubaydat Mashhur Hasan Ali Salman Ed. Vol. 1-10). Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Nasa'i, Ahmad. (2001). *Al-Sunan al-Kubra* (Hasan 'Abd al-Man'am Shilbi Ed. Vol. 1-10). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Sabuni. (1981). *Mukhtasar Ibn Kathir* (Vol. 1-3). Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Sarraj, Muhammad Ishaq. (2004). *Hadith al-Sarraj* (Hussain 'Ukashah Ed.). T.T.P: Al-Faruq al-Hadithah li al-Tiba'ah wa al-Nasr.
- Basmeih, Abdullah. (1999). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Asakir, 'Ali al-Hasan. (2000). *Mu'jam al-Suyukh* (Wafa' Taqiy al-Din Ed.). Damshiq: Dar al-Bashair.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. (t.th.). *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas* (Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.
- Ibn Abi Shaybah, Abu Bakr 'Abdullah. (1997). *Musnad Ibn Abi Shaybah* ('Adil Yusuf al-'Azazi & Ahmad Farid al-Mazidi Ed. Vol. 1-2). Al-Riyad: Dar al-Watan.
- Ibn Abi Yu'la, Ahmad 'Ali. (1984). *Musnad Abi Yu'la* (Husain Salim Asad Ed.). Damsyiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Ibn al-Kathir, Ismail. (1999). *Tafsir al-Quran al-A'zim* (Vol. Juz. 1-4). Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn al-Mubarak, Abu 'Abd al-Rahman 'Abdullah. (1998). *Al-Zuhd wa al-Raqa'iq li Ibn al-Mubarak* (Habib al-Rahman al-A'zami Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Penentang Kemukjizatan al-Quran Tempah Neraka: Al-Baqarah (2: 23-25)*. Kertas kerja Dibentangkan di Budaya al-Quran pada 29hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheis: Al-Baqarah (2: 21-22)*. Kertas kerja Dibentangkan di Budaya al-Quran pada 16hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017). Al-Quran. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Kedua ed., pp. 198-200). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sabih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.